

09 JUN 2003

Mahathir-VCD/I

DR MAHATHIR MAHU POLIS TERUS BANTERAS VCD CETAK ROMPAK DAN LUCAH

PUTRAJAYA, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta polis supaya meneruskan usaha memerangi gejala cakera padat video (VCD) cetak rompak dan lucah.

"Ini sesuatu yang perlu dilakukan berterusan. Jika anda mula relaks ia akan kembali. "Jadi polis akan diminta meneruskan tindakan sepanjang masa," kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mempengerusikan sesi ketiga majlis Dialog Bajet 2004 di Kementerian Kewangan di sini.

Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan berkata demikian semasa mengulas mengenai tindakan membanteras VCD itu dengan pihak polis mengisytiharkan operasi mereka selama dua minggu di seluruh negara untuk menghentikan pengedaran VCD cetak rompak dan lucah sebagai berjaya.

Dr Mahathir juga merayu kepada orang ramai supaya memberi maklumat mengenai aktiviti VCD haram itu supaya tindakan boleh diambil.

"Ada kalanya kita perlukan maklumat untuk ambil tindakan. Jika maklumat disampaikan, kita akan bertindak," katanya.

Operasi itu dijalankan ekoran kebimbangan yang disuarakan oleh Dr Mahathir sendiri mengenai pengedaran dan pemborongan VCD cetak rompak dan lucah yang semakin berleluasa di negara ini.

Polis dan juga pegawai penguatkuasa daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna serta majlis-majlis tempatan dilaporkan merampas VCD bernilai berjuta-juta ringgit semasa operasi yang berlangsung dari 26 Mei hingga 8 Jun.

Sementara itu, Perdana Menteri juga ditanya mengenai prestasi majlis tempatan yang sejak kebelakangan ini menerima kritikan.

Kepada ini, kata beliau: "Kita perlu menyiasatnya kerana ada banyak aduan terhadap majlis-majlis tempatan."

Dr Mahathir tidak menolak kemungkinan mereka yang tidak melaksanakan tanggungjawab dengan baik akan digantikan.

"Oleh kerana beberapa daripada mereka mahu jadi popular, tidak mahu kutip cukai dan yang lain pula tidak mahu menyediakan perkhidmatan yang sempurna," katanya.

Ditanya mengapa, seringkali Perdana Menteri sendiri perlu mendorong polis dan para pegawai penguatkuasa untuk bertindak, Dr Mahathir berkata: "Itu sesuatu yang saya perlu laksanakan.

"Anda tidak boleh meminta sesiapa sahaja untuk memberi arahan kepada seseorang pegawai kanan. Arahan itu mestilah disampaikan oleh seorang yang lebih kanan."

Apabila dijelaskan terdapat Menteri-menteri yang sepatutnya bertanggungjawab, beliau berkata: "Ya, tetapi kita bincangkannya di Kabinet. Ia keputusan kolektif."

-- BERNAMA

MAM MAM PR